



Peranan Agensi Perkhidmatan Awam di Malaysia

Dasar Utama Polis Diraja Malaysia

Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 menggariskan

Demi kedaulatan negara dan kesejahteraan masyarakat dan kewibawaan pasukan, kewajipan asasi anggota Polis Diraja Malaysia adalah:

- Memelihara Undang-Undang dan Ketenteraman
- Mengekalkan Keamanan dan Keselamatan Malaysia
- Mencegah dan Mengesan Penjenayah
- Menangkap dan Mendakwa Pesalah-Pesalah
- Mengumpul Risiko Keselamatan



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh jabatan mengikut peruntukan di bawah seksyen 5(1) & (2) di dalam akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) seperti berikut:

- Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran
- Melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran
- Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraan dan pengawalseliaan yang sempurna
- Menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal kebakaran
- Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Antara fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, iaitu:

- Menerima, menimbangkan dan menyiasat apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009
- Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009
- Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu
- Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah
- Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah



JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

- Memasar maklumat dasar-dasar negara untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan rakyat kepada kerajaan semasa
- Memperluas jaringan hubungan komunikasi menerusi pelbagai program komunikasi bersemuka
- Membangun kandungan digital yang kreatif dan inovatif mengenai dasar-dasar negara melalui platform media sosial
- Menghasilkan dan menerbitkan bahan penerbitan dan bahan komunikasi visual mengenai dasar-dasar negara
- Memantau dan mengurus isu-isu semasa untuk meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat
- Menyediakan khidmat pengurusan kepada media dan perkhidmatan perundingan perhubungan awam kepada agensi kerajaan
- Mengurus khidmat sokongan bagi pengurusan dan pentadbiran meliputi sumber manusia, kewangan, pembangunan dan khidmat teknikal

